



1 JANUARI 2024

WARGA ASING GUNA BAS GoKL DICAJ RM1

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenakan caj RM1 bagi setiap perjalanan kepada bukan warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan bas GoKL bermula hari ini.

Caj tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat melibatkan empat laluan di sekitar pusat bandar iaitu Laluan 01 (Hijau), Laluan 02 (Ungu), Laluan 03 (Merah) dan Laluan 04 (Biru).

Transaksi pembayaran adalah

tanpa tunai iaitu melalui kad Touch 'n Go, kod QR, kad kredit atau kad debit. Bagaimanapun, ia percuma kepada semua kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah termasuk bukan warganegara.

Sementara itu, warganegara Malaysia yang menggunakan Mykad dan mempunyai sistem Touch 'n Go, perlu membuat pendaftaran MyKad bagi menikmati perkhidmatan percuma.